

Projek 'sakit' diselamatkan

KPKT dibantu JPN selesaikan pembinaan perumahan terbengkalai Taman Sungai Yu Indah

TANJONG KARANG - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil inisiatif terbaik menyelesaikan projek perumahan swasta sakit Taman Sungai Yu Indah, Sungai Terap.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) membantu melancarkan urusan Pembaharuan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan Jualan (APDL) pemaju.

"Kerja baik pulih projek perumahan sakit Taman Sungai Yu Indah akan dilaksanakan berperingkat iaitu Fasa 1 melibatkan 107 unit rumah kos rendah setingkat yang dijangka siap November ini.

"Manakala bagi 120 unit rumah kos sederhana setingkat dijangka siap pada suku pertama tahun depan,"



Noh meninjau rumah yang masih dalam proses pembinaan di Taman Sungai Yu Indah, semalam.

katanya pada Majlis Ramah Mesra dan Lawatan Kerja Menteri KPKT ke Projek Taman Sungai Yu Indah, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Syarikat Serambi Padu Sdn Bhd, Eric Choo Kok Chong; Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak

dan Adun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata, inisiatif pemuliharaan projek sakit itu dilaksanakan KPKT meskipun tiada peruntukan di dalam Akta 118 yang mewajibkan kerajaan

memulihkan projek perumahan swasta yang disahkan projek sakit.

"Kerajaan sentiasa memastikan kepentingan pembeli dapat dibela terutamanya melibatkan aspek kualiti pembinaan yang baik dan dapat diserahkan kepada pembeli mengikut tempoh yang ditetapkan.

"Sudah menjadi harapan saya untuk melihat projek sakit ini dapat dipulihkan pemaju kerana projek ini adalah projek pertama yang dipulihkan KPKT. Kemungkinan punca projek ini lewat disebabkan pemaju asal kurang teliti dengan pelan perancangan ditambah tapak kurang strategik," katanya.

Menurutnya, projek tersebut dan Taman Desa Mawar juga sentiasa menjadi perhatiannya sejak sebelum PRU13 yang berharap semua urusan dapat dipercepatkan dan diselesaikan.

Ketika mengulas lanjut mengenai tindakan terhadap pemaju yang bermasalah dan gagal menyiapkan projek, Noh menegaskan, KPKT mengenakan tindakan tegas sejajar dengan pindaan undang-undang yang digubal pada 2015 lalu.

"Sekiranya pemaju masih gagal menyiapkan projek yang dijanjikan, mereka termasuk syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah akan disenaraihitamkan dan dikenakan denda setimpal.

"Manakala bagi syarikat pemaju baru, mereka dikenakan bayaran deposit tiga peratus daripada kos projek berbanding dulu hanya dikenakan RM200,000 saja," katanya.

Sehingga Jun lalu, sebanyak 86,277 pembeli rumah membabitkan 830 projek perumahan swasta di Selangor dilesenkan di bawah JPN dan 694

daripadanya berjalan lancar. Bagaimanapun 38 projek mengalami kelewatan dan 98 projek lagi sebagai projek sakit.

Projek Perumahan Taman Sungai Yu Indah berkenaan adalah Projek Khas Perumahan Kos Rendah yang dilaksanakan bersama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNNSB) dan Syarikat Serambi Padu Sdn Bhd sejak 20 Januari 1993.

Pembinaan projek melibatkan 100 peratus kos rendah yang mempunyai 499 unit rumah dan 11 unit kedai itu dimulakan pada Mac 2005 lalu dan sepatutnya siap pada 2007 lalu.

Bagaimanapun projek ini terhenti pada 2006 disebabkan masalah pengurusan pembinaan, kewangan dan jualan yang kurang mendapat sambutan dengan jualan rendah iaitu 170 pembeli sahaja.